

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL
RAHMAN [PASIR SALAK]**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan status pembinaan Pasar Tani Kekal Pekan Kampung Gajah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui FAMA telah membangunkan Pasar Tani Kekal (PTK) yang merupakan premis untuk menempatkan peserta-peserta pasar tani bagi membolehkan mereka memasarkan produk secara harian terus kepada pengguna. Sehingga kini terdapat 31 buah PTK telah dibangunkan oleh FAMA.

2. Pada tahun 2017, projek Pasar Tani Kekal Kg. Gajah telah diluluskan dan pembinaannya dirancang untuk dilaksana pada tahun 2018. Walaubagaimanapun, pelaksanaan projek ini telah ditangguhkan selaras dengan arahan Kementerian Kewangan pada tahun 2018 supaya perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja sama ada tender terbuka, tender terhad dan rundingan terus dibatalkan dan ditender semula selepas ditentukan keutamaan dengan merujuk kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan Pejabat Belanjawan Negara (NBO).

3. Pada tahun 2019, projek ini telah mendapat kelulusan dan pembinaannya telah mula dilaksanakan pada 14 Oktober 2019 dengan kos projek sebanyak RM2.99 juta. Sehingga 22 Oktober 2020, pelaksanaan projek ini adalah mengikut jadual dengan kemajuan kerja sebanyak 42%. Projek ini dijangka dapat disiapkan pada 14 Februari 2021.

Sekian, terima kasih.